

## Henti tuntutan insurans tak adil, kerajaan diberitahu

Written by

Monday, 13 December 2021 15:18 -

---

December 10, 2021 6:59 PM

PETALING JAYA: Persekutuan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menarik perhatian terhadap pemandu yang terpaksa membuat tuntutan daripada insurans sendiri dalam kemalangan walaupun pihak lain yang bersalah.

CEO FOMCA, Saravanan Thambirajah berkata sekiranya dua kereta berlanggar, kedua-dua pihak mesti membuat laporan polis.

Namun beliau berkata, lazimnya hanya satu pihak membuat laporan polis manakala satu lagi tidak, seterusnya boleh terlepas daripada dikesan.

◆ Hanya jika pelaku itu membuat laporan polis, barulah mangsa boleh menuntut insurans orang itu, jika tidak mereka terpaksa menggunakan insurans sendiri.

◆ Dalam keadaan itu, mangsa akan kehilangan bonus tanpa tuntutan (NCB) dan ini amatlah tidak adil. Kenapa mangsa perlu melalui kesusahan ini semata-mata kesilapan orang lain? ◆ katanya dalam kenyataan hari ini.

Saravanan berkata, satu lagi isu penting melibatkan pemandu tanpa insurans kereta sah yang juga boleh terlepas daripada dipertanggungjawabkan.

Katanya, golongan itu boleh membaharui insurans tahunan tanpa dipertanggungjawabkan bagi tuntutan kemalangan terdahulu.

Saravanan berkata polis wajar mewujudkan agensi berasingan untuk mengendalikan kes kemalangan kerana berdepan ratusan kes seperti itu setiap hari.

Katanya, Bank Negara Malaysia selaku pengawal selia syarikat insurans juga perlu membetulkan keadaan ini dengan segera.

◆ Langkah tegas perlu diambil untuk mengekang keadaan ini sebelum lebih ramai pengguna jalan raya yang tidak bersalah menjadi mangsa kepongongan undang-undang dan pemandu yang tidak bertanggungjawab.

◆ Pesalah mesti dihukum, dan mangsa yang tidak berdosa perlu dilindungi menerusi insurans, tanpa kehilangan NCB.

◆

Sumber: <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/12/10/henti-tuntutan-insurans-tak-adil-kerajaan-diberitahu/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/12/10/henti-tuntutan-insurans-tak-adil-kerajaan-diberitahu/